

Hong Leong Akaun Semasa-i PowerSME Terma & Syarat

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong, Terma dan Syarat bagi Perbankan Internet Hong Leong, dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan seperti yang mungkin dikenakan oleh **Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”)** dari semasa ke semasa dengan memberi maklumat awal **Dua Puluh Satu (21) hari kalendar** terlebih dahulu.

Prinsip Syariah

1. Hong Leong Akaun Semasa-i PowerSME (“Akaun Semasa-i PowerSME”) ialah akaun semasa Islamik yang berasaskan prinsip “Tawarruq” yang merujuk kepada beberapa transaksi jual beli. Mekanisma yang terlibat:
 - i) HLISB bertindak sebagai Ejen membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan dengan Harga Belian.
 - ii) HLISB sebagai Ejen kepada Pelanggan menjual Komoditi kepada HLISB dengan Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar kepada Pelanggan secara bertanggung sepanjang tempoh (setelah mengambil kira apa-apa rebat jika ada).
 - iii) HLISB kemudian akan menjual Komoditi kepada pihak ketiga atas dasar tunai dan serta merta.

Musawamah atau jual beli / tawar menawar adalah satu kontrak penjualan tanpa pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli. Bagi kegunaan Akaun Semasa-i PowerSME ini, ianya digunakan sebagai akaun tanpa keuntungan.

2. Selain daripada Tawarruq, Akaun Semasa-i PowerSME juga mengguna pakai prinsip Syariah lain sepertimana yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”), dimana perlu. Prinsip Syariah tersebut adalah:-
 - i. Hibah
“Hibah” yang merupakan sejenis konsep pemberian atau sumbangan secara sukarela (tabarru’). Kewujudan konsep hibah adalah apabila berlaku pemindahan aset hibah dari satu pihak iaitu penyumbang kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di dalam Akaun Semasa-i PowerSME Hibah diberikan (jika ada) kepada pelanggan dalam bentuk rebat (jika ada) yang diperoleh daripada baki purata di dalam akaun pada hujung bulan.
 - ii. Muqasah
“Muqasah” bermaksud permintaan salah satu pihak (dalam senario ini merujuk kepada pelanggan) untuk melunaskan hutang/tanggungannya melalui cara tolak selesai. Muqasah di dalam Akaun Semasa-i PowerSME di dalam Akaun Semasa-i PowerSME merujuk kepada situasi apabila rebat (jika ada) yang diperoleh pelanggan digunakan untuk menolak selesai sebarang fi dan caj perbankan yang dikenakan ke atas sebarang transaksi di HLISB/HLBB.

- iii. Tanazul
“Tanazul” bermaksud penepian hak-hak tuntutan. Tanazul di dalam Akaun Semasa-i PowerSME merujuk kepada situasi pelanggan bersetuju untuk mengeneppikan hak mereka ke atas rebat yang tidak digunakan (jika ada) sekiranya akaun tersebut ditutup sebelum rebat yang terkumpul itu digunakan.

Kelayakan

3. Akaun Semasa-i PowerSME terbuka kepada syarikat-syarikat termasuk syarikat milikan tunggal dan perkongsian yang telah diberikan kemudahan pembiayaan perniagaan Islamik (“Islamic business banking financing”) oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) (selepas ini setiap pelanggan dirujuk sebagai “Pelanggan” dan “Pelanggan-pelanggan” secara kolektif).
4. Pelanggan perlu mendeposit amaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk membuka Akaun Semasa-i PowerSME, dan terikat dengan terma dan syarat untuk membuka akaun semasa Islamik.

Ciri-ciri Utama

5. Ciri-ciri utama Akaun Semasa-i PowerSME adalah seperti yang tertera di bawah dan ia tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:

(A) Anugerah Rebate Bulanan (“Rebate”)

- a. Rebate akan diberi berdasarkan baki purata bulanan Pelanggan (“Baki Purata Bulanan”) pada setiap akhir bulan. Baki Purata Bulanan dikira berdasarkan agregat jumlah baki dalam akaun pada akhir hari dibahagikan dengan jumlah bilangan hari dalam bulan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, untuk bulan pertama di mana akaun dibuka, Baki Purata Bulanan akan dikira berdasarkan agregat jumlah baki dalam akaun pada akhir hari dibahagikan dengan jumlah bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga akhir bulan di mana Akaun Semasa-i PowerSME dibuka.
- b. Pelanggan-pelanggan layak memohon salah satu (1) daripada tiga (3) Pakej Rebate berikut:
 - (i) Pakej Asas, iaitu Pakej Rebate yang disediakan apabila Pelanggan memohon Perkhidmatan e-Pertanyaan;
 - (ii) Pakej e-Pembayaran, iaitu Pakej Rebate yang disediakan apabila Pelanggan memohon Perkhidmatan e-Pembayaran *atau*
 - (iii) Pakej Pembiayaan Perniagaan, iaitu Pakej Rebate yang terdapat apabila Pelanggan berjaya memohon pembiayaan perbankan perniagaan Islamik yang baharu (“Pembiayaan Perniagaan”). Pelanggan-pelanggan yang memilih Pakej Pembiayaan Perniagaan yang melanggan Perkhidmatan e-Pembayaran akan turut layak untuk menggunakan rebat yang telah mereka perolehi menurut kaedah yang dijelaskan dalam Klausula 4(B) dan 4(C) di sini, yang mana berkaitan, selepas memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Rebate hendaklah dikira bagi Pakej Asas, Pakej e-Pembayaran dan Pakej Pembiayaan Perniagaan menggunakan kaedah yang telah diterangkan dalam laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my/ms/business-i/deposits-i/current-account-i/power-sme-current-account-i.html dan ia mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

- c. Pelanggan-pelanggan dibenarkan untuk menukar antara Pakej-pakej Rebate yang ada bergantung kepada langganan pelanggan sama ada Perkhidmatan e-Pertanyaan atau

Perkhidmatan e-Pembayaran dan juga sekiranya Pelanggan tersebut berjaya memohon Pembiayaan Perniagaan. Rebat bagi bulan tersebut akan dikira berdasarkan Pakej Rebat terkini yang disandarkan kepada Akaun Semasa-i PowerSME pada masa tersebut.

- d. Rebat yang diperolehi dalam satu bulan tertentu hanya boleh digunakan pada bulan berikutnya. Rebat boleh dikumpul dan dijumlahkan untuk penggunaan dengan syarat bahawa Rebat hanya boleh dikumpul sehingga 12 bulan dari hari terakhir bulan kalendar di mana Akaun Semasa-i PowerSME dibuka ("Tarikh Ulang Tahun Akaun").
- e. Semua Rebat mesti digunakan sebelum tamat tempoh Rebat pada hari terakhir bulan kalendar serentak dengan Tarikh Ulang Tahun Akaun.
- f. Rebat hanya boleh digunakan untuk menolak selesai (*offset*) bayaran keuntungan (untuk Pembiayaan Perniagaan yang dinyatakan secara khusus di dalam Fasal 4(C) di bawah, yuran *Security Token* sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Fasal 4(B)(a) (tertakluk kepada Fasal 4(B) di bawah) dan/atau yuran perbankan dan caj yang layak yang dilakukan di mana-mana cawangan HLISB/HLBB dan/atau melalui Hong Leong Online Business, seperti yang ditentukan oleh HLISB/HLBB mengikut budi bicara mutlaknyanya dari semasa ke semasa ("Transaksi Yang Layak").
- g. Senarai Transaksi Yang Layak dan nilai Rebat untuk setiap Transaksi Yang Layak (nilai Rebat) boleh didapati di laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my/ms/business-i/deposits-i/current-account-i/power-sme-current-account-i.html dan seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.
- h. Semua Rebat akan ditolak secara berturutan untuk Transaksi Yang Layak, iaitu Rebat akan ditolak terhadap Transaksi Yang Layak pertama yang dikemukakan dan seterusnya.
- i. Rebat hanya boleh digunakan sekiranya ia mencukupi untuk menampung keseluruhan nilai Rebat bagi setiap Transaksi Yang Layak kecuali bagi perkara-perkara yang dinyatakan secara khusus di dalam Klausa 4(B) dan 4(C) di bawah. Sekiranya Rebat tersebut tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan Nilai Rebat bagi Transaksi Yang Layak, penggunaan atau penolakan Rebat separa di bawah Akaun Semasa-i PowerSME adalah tidak dibenarkan dan Pelanggan dikehendaki untuk membayar keseluruhan yuran atau caj transaksi bagi Transaksi Yang Layak tersebut.
- j. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, jika urus niaga yang termasuk dalam definisi Transaksi Yang Layak dilaksanakan atas dasar pukal atau dikumpulkan ("Transaksi Pukal"), setiap Transaksi Pukal akan dianggap sebagai satu (1) Transaksi Yang Layak sahaja dan penggunaan Rebat untuk Transaksi Yang Layak itu juga tertakluk kepada Fasal 4(A)(i) di atas.
- k. Sekiranya akaun ditutup sebelum Rebat digunakan sepenuhnya, maka Pelanggan bersetuju untuk melepaskan haknya terhadap Rebat yang tidak digunakan.
- l. Rebat tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai, kredit, cek atau seumpamanya dan ia tertakluk kepada perubahan atau pengurangan yang ditentukan oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya pada bila-bila masa.

(B) Potongan Rebat bagi Yuran *Security Token*

- a. *Security Token* adalah peranti elektronik yang dikeluarkan oleh HLISB bagi Pelanggan dengan tujuan menghasilkan protokol cabaran sebagai pengesahan.

- b. Pelanggan yang melanggan Perkhidmatan e-Pembayaran buat pertama kali layak untuk menggunakan Rebat yang diperolehi untuk ditolak dengan Yuran *Security Token*; sebahagian atau sepenuhnya, bergantung kepada Rebat yang terdapat pada masa penebusan, iaitu semasa Yuran *Security Token* tersebut dicaj ke dalam Akaun Semasa-i PowerSME.
- c. Bagi mengelakkan keraguan, Rebat yang diperolehi hanya boleh digunakan sekali sahaja untuk ditolak dengan Yuran *Security Token* apabila Yuran *Security Token* tersebut dicaj ke dalam Akaun Semasa-i PowerSME. Sekiranya Rebat hanya mencukupi untuk penyelesaian separa bagi Yuran *Security Token*, Pelanggan bertanggungjawab untuk menjelaskan baki Yuran *Security Token* tersebut (“Baki”) dan Rebat yang diperolehi dalam bulan yang berikutnya tidak boleh digunakan untuk menolak baki yang telah dicaj ke dalam Akaun Semasa-i PowerSME.

(C) Penolakan Rebat bagi bayaran Keuntungan Pembiayaan Perniagaan

- a. Hanya sah bagi Pembiayaan Perniagaan terpilih seperti yang dinyatakan dalam www.hlisb.com.my/ms/business-i/deposits-i/current-account-i/power-sme-current-account-i.html di mana pembayaran sesuatu Pembiayaan Perniagaan dilakukan melalui Arahan Tetap (*Standing Instructions*) oleh Pelanggan melalui Akaun Semasa-i PowerSME
 - b. Rebat hanya boleh digunakan untuk menolak selesai bayaran keuntungan ke atas Keuntungan Pembiayaan Perniagaan; sebahagian atau sepenuhnya setiap bulan. Ia walau bagaimanapun bergantung kepada Rebat yang terdapat semasa penebusan dilakukan, iaitu tarikh akhir bayaran bulanan Pembiayaan Perniagaan. Sekiranya Rebat tersebut hanya mencukupi untuk membayar sebahagian bayaran Keuntungan Pembiayaan Perniagaan bagi sesuatu bulan, maka Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar baki Keuntungan Pembiayaan Perniagaan yang masih terhutang (“Baki keuntungan”) dan Rebat yang diperolehi dalam bulan yang berikutnya tidak boleh digunakan untuk menolak Baki keuntungan dalam bulan sebelumnya.
6. Untuk senarai terbaru Transaksi Yang Layak, Yuran dan Caj dan Nilai Rebat, sila kunjungi mana-mana cawangan HLISB/HLBB dan/atau laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my/ms/business-i/deposits-i/current-account-i/power-sme-current-account-i.html.
 7. HLISB mempunyai hak pada bila-bila masa dengan memberi **Dua Puluh Satu (21) hari kalendar** makluman awal terlebih dahulu untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah terma & syarat yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicaranya yang mutlak dengan menyiarkannya dalam laman sesawang HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai. Pemegang Akaun disarankan untuk mengakses laman sesawang dari semasa ke semasa untuk menyemak terma & syarat dan memastikan supaya sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma & syarat.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.